



KRONOLOGI KES SKANDAL SRC INTERNATIONAL

4 Julai 2018

- Najib didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan pecah amanah jenayah (CBT) dan satu pertuduhan salah guna kuasa berhubung dana SRC International berjumlah RM42 juta.

8 Ogos

- Najib didakwa di Mahkamah Tinggi atas tiga pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan dana sama (RM42 juta daripada SRC International).

10 Ogos

- Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menolak permohonan Najib untuk melarang media dan orang ramai daripada menerbitkan kenyataan berhubung merit kes jenayahnya yang akan membuat inferens (kesimpulan) beliau bersalah sementara menunggu kes selesai.

10 Ogos

- Mohd Nazlan menetapkan 33 hari bermula 12 hingga 28 Februari dan 4 hingga 29 Mac untuk perbicaraan kes SRC.

13 Ogos

- Najib memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi menolak untuk mengeluarkan perintah melarang media dan orang awam daripada menerbitkan kenyataan berhubung merit kesnya.

18 Disember

- Mahkamah Tinggi tolak permohonan Najib mendapatkan surat pelantikan Datuk Sulaiman Abdullah bagi mengetuai pasukan pendakwaan dan mendapatkan dokumen kes.

15 Januari 2019

- Najib menerusi firma guaman Messrs Shafee Co menulis surat bertarikh 15 Januari kepada Mahkamah Tinggi memohon agar perbicaraan yang dijadualkan pada 12 Februari dilampirkan sementara menunggu tiga rayuan interlokutorinya di Mahkamah Rayuan.

17 Januari

- Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Manoj Kurup membantah permohonan pihak pembelaan untuk menangguhkan perbicaraan dan menyatakan permohonan itu remeh selain akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah terhadap perbicaraan.

11 Februari

- Mahkamah Rayuan membenarkan Najib menangguhkan sementara perbicaraan sehingga rayuannya berhubung keputusan pendakwa raya menarik balik sijil perpindahan tujuh pertuduhan terhadapnya selesai.

14 Februari

- Mahkamah Rayuan menetapkan 11 dan 12 Mac untuk mendengar empat rayuan Najib bagi membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung permohonan interlokutori Najib

mengenai tujuh pertuduhan melibatkan dana SRC.

21 Mac

- Mahkamah Rayuan membenarkan penangguhan sementara perbicaraan Najib sehingga Mahkamah Persekutuan mendengar dan memutuskan tiga rayuan interlokutori yang sebelum itu ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

21 Mac

- Mahkamah Rayuan menolak tiga rayuan Najib untuk mendapatkan perintah melarang media dan orang awam membincangkan merit kes jenayahnya, akses kepada dokumen siasatan termasuk kenyataan saksi di peringkat praperbicaraan dan mengenai penarikan balik sijil perpindahan pertuduhannya oleh Peguam Negara.
- Mahkamah Rayuan juga membenarkan Najib mendapatkan salinan surat lantikan Datuk Sulaiman Abdullah mengetuai pendakwaan.

27 Mac

- Panel tujuh hakim Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan pendakwaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan permohonan Najib menangguhkan sementara perbicaraan.

28 Mac

- Mahkamah Tinggi menetapkan 3 April bagi perbicaraan kes.

1 April

- Najib memfailkan rayuan (semakan) terhadap keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak permohonan menangguhkan perbicaraan.

3 April

- Perbicaraan bermula dan Mahkamah Tinggi putus prosiding disambung pada 15 April hingga 10 Mei.

11 Jun

- Bekas Ahli Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismeel Ismail memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa sumber kewangan syarikat itu adalah daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dan geran permulaan daripada kerajaan pada hari ke-22 perbicaraan.

11 November

- Mohd Nazlan memerintahkan Najib membela diri terhadap terhadap tiga dakwaan CBT, tiga tuduhan pengubahan wang haram dan satu tuduhan salah guna kuasa.

3 Disember

- Najib memberi keterangan membela diri di Mahkamah Tinggi.

11 Mac 2020

- Mohd Nazlan menetapkan 12 Mei bagi mendengar hujahan akhir pembelaan.

5 Jun

- Mohd Nazlan menetapkan tarikh 28 Julai bagi keputusan terhadap Najib.

KES PENYELEWENGAN DANA SRC INTERNATIONAL



HAKIM:
Mohd Nazlan Mohd Ghazali

Pasukan Pendakwaan



1. Datuk V Sithambaram
(Ketua)

- Datuk Sulaiman Abdullah
- Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria
- Datuk Ishak Mohd Yusoff
- Manoj Kurup
- Budiman Lutfi Mohamed
- Muhammad Izzat Fauzan
- Sulaiman Kho Kheng Fuei
- Donald Joseph Franklin
- Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi
- Suhaimi Ibrahim
- Mohd Ashraf Adrin Kamaril

Pasukan Pembelaan



1. Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah
(Ketua)

- Harvinderjit Singh
- Datuk Kamarul Hisham Kamaruddin
- Farhan Read
- Wan Aizuddin Wan Mohammed
- Rahmat Hazlan
- Muhammad Farhan Muhammad Shafee
- Syahirah Hanapiah
- Tiara Katrina Fuad
- Zahria Eleena Redza
- Chong Loong Men

SENARAI 7 PERTUDUHAN TERHADAP DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK

Jenis Pertuduhan:

Pecah amanah, salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram

Nilai:

RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (bekas anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang kini diletak di bawah Kementerian Kewangan)

Tarikh kesalahan didakwa berlaku:
Antara 17 Ogos 2011 dan 2 Mac 2015

Lokasi:

AmIslamic Bank Berhad Kuala Lumpur dan Pejabat Perdana Menteri, Presinct 1, Putrajaya

Tujuh pertuduhan terhadap Najib

- Tiga tuduhan pecah amanah (RM27 juta dan RM5 juta milik SRC)**
- Seksyen 409 Kanun Keseksaan
- Hukuman: Penjara 2 hingga 20 tahun, sebat, denda, jika sabit kesalahan
- Satu penyalahgunaan kuasa (rasuah RM42 juta)**
- Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009
- Hukuman: Penjara maksimum 20 tahun, denda minimum lima kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan. (Hukuman mengikut Seksyen 24 akta sama)
- Tiga tuduhan pengubahan wang haram (menerima RM27 juta, RM5 juta dan RM10 juta hasil aktiviti haram)**
- Seksyen 4 (1) (b) Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001
- Hukuman: Penjara maksimum 15 tahun, denda lima kali ganda nilai hasil haram atau RM5 juta, mana yang lebih tinggi bagi setiap pertuduhan, jika sabit kesalahan

KEPUTUSAN KES SRC: NAJIB RAZAK BERSALAH

Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghadapi 7 pertuduhan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd

Pendakwaan di bawah:

Seksyen 4(1)(b), Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001



Seksyen 409 Kanun Keseksaan

Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

Keputusan:

- Mahkamah putuskan Najib bersalah terhadap kesemua tujuh pertuduhan

Penghakiman:

- Pihak pembelaan gagal membuktikan keseimbangan keberangkalian dalam menimbulkan keraguan yang munasabah bagi kes pendakwaan salah guna kuasa
- Keterangan mengesahkan penglibatan Jho Low termasuk memberi arahan berhubung akaun bank Najib kepada seorang eksekutif bank
- Pihak pembelaan tidak memanggil pakar sebagai saksi untuk mengesahkan tandatangan Najib dalam beberapa dokumen telah dipalsukan seperti didakwa



Mohd Nazlan Mohd Ghazali
Hakim

HUKUMAN

- 72 tahun penjara untuk keseluruhan 7 pertuduhan dan denda RM210 juta namun hukuman penjara berjalan serentak menjadikan tempoh hukuman 12 tahun**

| | | |
|--|--|---|
| 3 pertuduhan pecah amanah jenayah (CBT) | 3 pertuduhan pengubahan wang haram | 1 pertuduhan salah guna kuasa |
| 10 tahun penjara bagi setiap kesalahan, berjalan serentak | 10 tahun penjara bagi setiap kesalahan, berjalan serentak | 12 tahun penjara & denda RM 210 juta (atau 5 tahun penjara jika gagal bayar denda) |